# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, SELANGOR

SITI RAHAYU SAZALI

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045601

LI 63 FPE 2 2006

1100045601
Laporan akhir latihan industri di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor / Siti Nur Amirul Salimon.

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia ★ Perpustakaan

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| 1100045601 | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SHAH ALAM, SELANGOR

**Oleh**

**SITI RAHAYU SAZALI**
**SARJANA MUDA PENGURUSAN**
**(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

**2006**

1100045601

**Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya **Siti Rahayu binti Sazali (UK 10044)**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan kandungan laporan ini.

**Tandatangan,**

.........................................

**Nama : Siti Rahayu binti Sazali**

**Tarikh : 18 Ogos 2006**

**Disahkan oleh:**

.........................................

**Penyelia KUSTEM**

**Pn. Rosyidah binti Muhamad**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

(KUSTEM)

**PENGHARGAAN**

*Assalamualaikum w.b.t,*

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat-Nya saya berjaya menyiapkan laporan akhir latihan industri (LI) ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kak Asma kerana bersusah payah dalam menguruskan permohonan saya dalam mencari tempat untuk membuat latihan industri ini dan akhirnya saya berjaya menjalani latihan praktikal ini di Fakulti Undang-Undang (FUU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor.

Tidak lupa juga kepada penyelia industri saya, Pn. Zulfa Zainal Abidin yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang saya berada di fakulti tersebut. Turut membantu saya ketika berada dalam organisasi tersebut adalah rakan-rakan setugas saya dan pensyarah-pensyarah di fakulti tersebut yang banyak memberi nasihat dan juga tunjuk ajar kepada saya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka semua.

Seterusnya setinggi penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada Pn. Rosyidah Mohamed iaitu selaku penyelia latihan industri saya di KUSTEM ini kerana memahami dan turut membantu dalam menyelesaikan masalah-masalah yang saya alami ketika menjalani LI ini.

Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan buat keluarga saya yang sangat banyak membantu ketika menjalani latihan praktikal di UiTM ini. Terima kasih mak ayah kerana memberi sokongan yang tidak putus kepada saya di saat saya menghadapi pelbagai dugaan ketika menjalani latihan di fakulti ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam LI saya ini lebih-lebih lagi kepada warga kerja FUU dan KUSTEM yang menjadi tulang belakang kepada saya sebelum saya menjalani latihan sehinggalah selesai latihan industri ini dijalankan. Selama 12 minggu berada di Fakulti Undang-Undang sememangnya banyak memberi pengalaman dan ilmu yang sungguh bermakna buat diri saya. InsyaAllah, saya akan menggunakan pengalaman yang ada untuk menempuh alam pekerjaan kelak.

Saya akhiri ucapan ini dengan assalamualaikum w.b.t dan semoga anda semua mendapat keberkatan-Nya. Segala pengorbanan anda tidak akan saya lupakan. Terima kasih semua!

# ISI KANDUNGAN

**Pengesahan Keaslian Laporan** i
**Penghargaan** ii
**Isi Kandungan** iii
**Ringkasan Eksekutif** v

BAB 1
PENGENALAN
1.1 PENGENALAN 2
1.2 SEJARAH PENUBUHAN UiTM 2
1.3 LOGO UiTM 5
1.4 LATAR BELAKANG FAKULTI UNDANG-UNDANG 7
1.4.1 Sejarah Penubuhan Fakulti Undang-Undang 7
1.4.2 Visi Fakulti Undang-Undang 8
1.4.3 Misi Fakulti Undang-Undang 9
1.4.4 Objektif Fakulti Undang-Undang 9
1.5 CARTA ORGANISASI 10
1.6 AKTIVITI ORGANISASI 12
1.6.1 OperasiOrganisasi 12
1.6.2 Masa Bekerja 12
1.6.3 Waktu Rehat 13
1.6.4 Kehadiran Pekerja 13
1.7 PERKHIDMATAN FAKULTI UNDANG-UNDANG 14
1.7.1 Pengajaran dan Pembelajaran 14
1.7.2 Mengurus hal-ehwal pelajar 15
1.7.3 Membantu pengurusan akademik 16
1.7.4 Memberi maklumat tentang fakulti kepada pihak luar 17
BAB 2
SISTEM SEDIA ADA, MASALAH DAN
CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 PENGENALAN .......... 18
2.2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA .......... 18
2.2.1 SISTEM PEMFAILAN .......... 19
2.2.1.1 MASALAH SISTEM PEMFAILAN .......... 21
2.2.1.2 CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH SISTEM PEMFAILAN .......... 22
2.2.2 SISTEM SURAT-MENYURAT .......... 23
2.2.2.1 Penyediaan Surat .......... 23
2.2.2.2 Format Surat Rasmi .......... 27
2.2.2.3 Elemen-Elemen Penting Dalam Penyediaan Surat .......... 29
2.2.2.4 MASALAH SISTEM SURAT .......... 31
2.2.2.5 CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH SISTEM SURAT .......... 32
2.2.3 SISTEM ISIS .......... 32
2.2.3.1 KELEMAHAN SISTEM ISIS .......... 33
2.2.3.2 CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH SISTEM ISIS .......... 33
BAB 3 ..........
ANALISIS SWOT ..........
3.1 KEKUATAN FAKULTI UNDANG-UNDANG .......... 34
3.2 KELEMAHAN FUU .......... 35
3.3 PELUANG FUU .......... 35
3.4 ANCAMAN FUU .......... 36
BAB 4 ..........
PENUTUP ..........
4.0 PENUTUP .......... 37
4.1 KEMAHIRAN DALAM KERJA-KERJA PEMFAILAN .......... 38
4.2 KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI .......... 39
LAMPIRAN

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) atau praktikum merupakan syarat penting yang wajib diambil oleh setiap pelajar Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE) Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial untuk bergraduat. Bagi memenuhi syarat ini, saya telah memilih Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, sebagai tempat untuk menimba sedikit pengalaman dalam dunia pekerjaan dan ini amat berguna sekali untuk saya praktikkan apabila tamat belajar nanti.

Melalui LI, pelajar akan terlibat secara langsung dalam bidang pekerjaan. Oleh itu pelbagai manfaat yang dapat dipelajari oleh pelajar kerana dapat mempelajari pelbagai sistem dan corak pentadbiran yang dijalankan oleh sesebuah organisasi. Melalui LI juga, akan membolehkan pelajar memupuk semangat serta lebih berkeyakinan untuk menempuh alam pekerjaan apabila tamat belajar kelak.

Objektif Latihan Industri yang dijalankan adalah bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang alam pekerjaan sebenar, membolehkan pelajar mengaitkan teori-teori yang telah dipelajari dengan aspek-aspek praktikal atau sebaliknya, menanam semangat kerja berpasukan dan perhubungan baik sesama pekerja. Melalui latihan praktikal juga dapat menanam sifat amanah, bertanggungjawab dan berkeyakinan diri, mengamalkan peraturan-peraturan keselamatan di dalam latihan dan menyediakan laporan rasmi dan lain-lain tugasan seperti yang diarahkan oleh KUSTEM.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini adalah satu kursus yang sangat penting dan berguna kepada para pelajar untuk melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri. Segala pengetahuan dan pengalaman yang dipelajari akan dapat diaplikasikan oleh pelajar apabila berada dialam pekerjaan yang sebenar dan seterusnya dapat membantu pelajar menghadapi realiti alam pekerjaan kelak.